

Nyatakan tindakan yang boleh kamu lakukan berdasarkan situasi di bawah.

1

Puan Wong temampak aktiviti pembalakan haram yang sedang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab semasa dia dan keluarganya berkelah di sebuah hutan simpan.

Tindakan Puan Wong:

2

Penduduk Kampung Rimba mengadu kepada ketua kampung mereka, Haji Seman, mengenai kilang yang berada berdekatan kampung mereka yang sering membuang sisa-sisa toksik ke dalam sungai yang berdekatan.

Tindakan Haji Seman:

3

Pembakaran terbuka yang telah dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab telah menyebabkan pencemaran udara di kawasan perumahan kamu. Ini telah menyebabkan pelbagai masalah kesihatan yang timbul.

Tindakan kamu:

4

Muthu dan Azmi terlihat beberapa pekerja kilang yang berdekatan dengan tempat tinggal mereka membuang sampah dan sisa-sisa toksik ke dalam sungai berdekatan pada waktu malam.

Tindakan Muthu dan Azmi:

Jawapan

Menyuarakan pendapat dan meminta pihak berkuasa mengambil tindakan atas perbuatan mereka yang tidak bertanggungjawab

Dia perlu melaporkan perkara tersebut kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan

Melaporkan perkara tersebut agar pesalah mendapat hukuman yang sewajarnya kerana telah melakukan pencemaran kepada alam sekitar

Melaporkan perkara tersebut kepada pihak berkuasa agar sungai tidak tercemar dan hidupan air tidak akan mati

Pilih jawapan yang paling tepat

Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling tepat.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



1. Mengapakah haiwan di atas dikatakan mengalami kepupusan?
- A Kerana sudah lanjut usia
 - B Kerana aktiviti tidak bertanggungjawab manusia
 - C Kerana haiwan tersebut mengalami sakit yang tiada ubat
 - D Kerana haiwan tersebut susah didapati

Soalan 2 berdasarkan pernyataan di bawah.

Alam sekitar yang bersih dan sihat amat penting kepada manusia dan haiwan kerana menyeimbangkan ekosistem.

2. Mengapakah alam sekitar perlu dipelihara oleh manusia?
- A Bagi memudahkan kegiatan pembalakan dilakukan
 - B Bagi mengelakkan pembuangan sampah di merata-rata tempat
 - C Bagi membangunkan kawasan yang bebas daripada pencemaran

D Bagi mengekalkan keseimbangan ekosistem

3. Antara berikut, yang manakah **bukan** merupakan amalan menyayangi alam sekitar?
- A Melakukan pembersihan kawasan perumahan secara berkala
 - B Mendapatkan lesen yang sah sekiranya ingin melakukan aktiviti pembalakan
 - C Memusnahkan alam sekitar tanpa menghiraukan keseimbangan ekosistem
 - D Bergotong rayong membersihkan kawasan bakau
4. Apakah usaha yang boleh dilakukan untuk menyayangi dan melindungi alam sekitar?
- A Kerajaan perlu mengharamkan penebangan hutan yang berlaku secara berleluasa
 - B Tidak mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang melakukan pencemaran alam sekitar
 - C Membiarkan pencemaran seperti pencemaran udara berlaku tanpa sebarang usaha untuk mencegahnya
 - D Membenarkan habitat-habitat haiwan dan tumbuhan diterokai secara haram



Pilih jawapan yang paling tepat



Gambar A



Gambar B

1 Apakah sikap yang telah ditunjukkan oleh lelaki di dalam gambar A?

- A Seorang yang sangat bertanggungjawab**
- B Seorang yang tidak bertanggungjawab**

2 Apakah yang akan berlaku sekiranya lelaki dalam gambar A berterusan melakukan perbuatan tersebut?

- A Pencemaran udara akan berlaku**
- B Udara di kawasan persekitaran akan menjadi bersih dan nyaman.**

3 Apakah yang dilakukan oleh sukarelawan dalam gambar B?

- A Mengotorkan kawasan persekitaran**
- B Membersihkan kawasan persekitaran**

4 Mengapakah kita perlu menyayangi alam sekitar?

- A Agar tidak menjejaskan ekosistem dan mengelakkan pencemaran berlaku.**
- B Agar persekitaran menjadi tercemar dan menyebabkan manusia jatuh sakit.**

